

17/09/2003

Bajet Dr Mahathir elak papa kedana

reports on "Dewan Rakyat" by Veena Rusli; Magendran Rajagopal
KUALA LUMPUR: Kelancaran pengurusan ekonomi negara dalam persekitaran yang mencabar dalam tempoh empat setengah tahun kebelakangan ini, banyak bergantung kepada tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melakukannya dengan cara tersendiri.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Datuk Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam), berkata perkara itu tidak boleh disangkal walaupun pembangkang sering memperkecilkan keupayaan Dr Mahathir.

"Walau siapa pun Menteri Kewangan, daripada Tengku Razaleigh Hamzah hingga Tun Daim Zainuddin atau Datuk Seri Anwar Ibrahim, tunjangnya adalah Dr Mahathir menerusi tiga fasa unik dan yang paling menguji kepemimpinan Barisan Nasional (BN) ialah ketika Malaysia diserang penyangak mata wang pada 1997 dan 1998.

"Dalam keadaan terpaksa menguruskan kemelut politik dan menangani serangan anasir luar terhadap Malaysia untuk menjadikan kita papa kedana dan tenggelam di dasar kemelut ekonomi, kita melakukannya dengan cara sendiri.

"Kepemimpinan 22 tahun Dr Mahathir memang penuh warna-warni dan bagi saya, tempoh empat setengah tahun inilah sebenarnya kegemilangan pengurusan yang wajar disanjung," katanya ketika membahaskan Bajet 2004 di peringkat dasar, semalam.

Menyentuh aspek kewangan, Mohd Zin berkata, penyaluran segala peruntukan kerajaan menerusi Bajet 2004 perlu dilakukan dengan betul bagi memastikan semua golongan sasar menerima bantuan serta faedah yang dijadualkan.

Katanya, perkara itu perlu diberi tumpuan khusus kerana kegagalan menguruskan dana yang besar bukan saja akan mengecewakan rakyat, malah boleh menggagalkan agenda pembangunan kerajaan.

Beliau berkata, perhatian khusus yang diberi kepada kumpulan bawahan, terutama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) membuktikan keprihatinan kerajaan dalam mengiktiraf sumbangan golongan itu terhadap penjana ekonomi negara.

"Kita ucapkan tahniah kepada anggota JKKK yang bertungkus-lumus menghadapi pelbagai cabaran dan tohmahan, khususnya daripada pembangkang yang sering memperkecilkan fungsi mereka.

"Kita harap pelantikan JKKK hendaklah dibuat dalam konteks dan semangat pembangunan ekonomi serta politik, manakala ahlinya mestilah mereka yang berkeelayakan, termasuk dalam bidang pengurusan dan ekonomi," katanya.

Mengenai penubuhan 50 pusat komuniti di kawasan berisiko tinggi jenayah dan gejala sosial, Mohd Zin berkata, pusat itu perlu ditadbir secara baik manakala peruntukan yang disediakan untuk pembinaannya harus setanding dengan hasilnya.

Beliau berkata, Bajet 2004 bagaimanapun tidak menyatakan dengan jelas penekanan pembangunan belia dan remaja.

"Walaupun ada peruntukan untuk pembangunan desa, pendidikan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), program khususnya tidak begitu jelas. Kita harap usaha lebih jelas dapat dinyatakan supaya belia mengetahui apa diperuntukkan kepada mereka," katanya.